



EDISI 2024

Majlis Daerah KANOWIT

Buletin 2024



“*Maju
Bersama
Komuniti*”

SOROTAN:

- Pesta Kanowit 2024
- Lawatan Ahli-Ahli Majlis
- Program/Aktiviti/ Projek Majlis Daerah Kanowit 2024

www.kanowitdc.sarawak.gov.my



ISI KANDUNGAN



01

SIDANG REDAKSI

02

VISI DAN MISI

03

PERUTUSAN

- PENERUSI MAJLIS DAERAH KANOWIT
- SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH KANOWIT

05

PROFIL MAJLIS DAERAH KANOWIT

- BARISAN AHLI-AHLI MAJLIS
- BARISAN KAKITANGAN MAJLIS DAERAH KANOWIT

09

PENCAPAIAN DAN AKTIVITI MAJLIS DAERAH KANOWIT 2024

- BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
- BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI
- BAHAGIAN PERPUSTAKAAN AWAM
- BAHAGIAN PENILIAN DAN PENGURUSAN HARTA
- BAHAGIAN KEJURUTERAAN
- BAHAGIAN KESIHATAN AWAM
- BAHAGIAN PENGUATKUASA

31

PESTA KANOWIT 2024

SIDANG REDAKSI



KELULUSAN PENERBITAN

JACKLINE BT AUGUST @ AUGUST JAHAR
PENGURUSI MAJLIS DAERAH KANOWIT

BILONG ANAK ENKAS
SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH KANOWIT

PENGARANG

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI
MAJLIS DAERAH KANOWIT

PEREKA/IDEA

IRSYADUDDIN BIN IBRAHIM

TERBITAN

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI
MAJLIS DAERAH KANOWIT

SEMAKAN TERBITAN

- **BILONG ANAK ENKAS**
- **JEREMY EDISON GEORGE**
- **EVELYNE JACQUELIN ANAK TAHA**
- **CAROLINE ANAK DENNIS**
- **BEATRICE ADRIAN**
- **BEATRICE LENYA ANAK JOHN**
- **MARTHA ANAK LINGGOH**
- **NUR IRSYADUDDIN BIN IBRAHIM**
- **HERODIUS AZRUS UGA**
- **MATHEW ALIXSON ENGGIE ANAK TAYAN**
- **CHRISTOPHER AK BENET AIT**

MAJLIS DAERAH KANOWIT,
JALAN KUBU
PETI SURAT 1
96707 KANOWIT, SARAWAK

TELEFON : 084-752093

FAX : 084-752695

E-MAIL : KANOWITDC@SARAWAK.GOV.MY

HAK CIPTA TERPELIHARA

PENERBITAN INI TIDAK BOLEH DITERBITKAN SEMULADALAM APA-APA JUA BENTUK DAN DENGAN APA-APAJUA CARA SAMA ADA SECARA ELEKTRONIK, FOTOKOPI,MEKANIK, RAKAMAN ATAU CARA LAIN SEBELUMMENDAPAT IZIN DARIPADA MAJLIS DAERAH KANOWIT.

VISI DAN MISI

MAJLIS DAERAH KANOWIT



“MAJU BERSAMA KOMUNITI”



VISI

“SUSTAINABLE LIVING, PROSPEROUS CITIZEN”

KEHIDUPAN LESTARI, RAKYAT SEJAHTERA

“PENGIDUP MERUAN, RAKYAT SENANG LANTANG

MISI

“PROMOTE SUSTAINABLE LIVING ENVIRONMENT
THROUGH INNOVATION AND GOOD GOVERNANCE”

PERUTUSAN PENGERUSI

MAJLIS DAERAH KANOWIT

Salam sejahtera dan salam Sarawakku sayang,

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kerana telah diberi kesempatan untuk melakarkan bicara dalam Buletin Majlis Daerah Kanowit edisi 2024.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah diucapkan kepada Majlis Daerah Kanowit khususnya Setiausaha, En. Bilong Anak Engkas yang telah berjaya menerbitkan Buletin Majlis Daerah kanowit edisi 2024 untuk kali ini.

Penerbitan buletin ini amat bermakna sekali kerana ini adalah sebuah catatan dan laporan yang penting untuk mengumpulkan keseluruhan aktiviti dan pencapaian Majlis Daerah Kanowit. Buletin ini selaras dengan visi Majlis Daerah Kanowit "Sustainable Living, Prosperous Citizen" yang membuktikan bahawa aktiviti dan pencapaian ini adalah untuk menyahut seruan Kerajaan Sarawak dimana untuk visi dalam mencapai kesejahteraan rakyat khususnya masyarakat Kanowit serta memangkin ke arah pembangunan persekitaran yang lestari.

Para pembaca boleh merujuk kepada buletin Majlis Daerah Kanowit edisi 2024 dimana pelbagai aktiviti dan sumbangan yang telah dilaksanakan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membantu masyarakat Kanowit untuk menjadikan Daerah Kanowit menuju ke arah pembangunan yang mampan.

Akhir kata, saya berharap kejayan dan cabaran yang dikongsi dalam buletin ini akan menjadikan matlamat dan dorongan demi mencapai kemajuan di masa akan datang. Sekian, Terima Kasih.

Jackline Bt August @ August Jahar
PENGERUSI MAJLIS DAERAH KANOWIT



PERUTUSAN SETIAUSAHA

MAJLIS DAERAH KANOWIT

Salam Ibu Pertiwiku, dan Salam Maju Bersama Komuniti.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada sidang redaksi atas kerjasama dalam usaha menerbitkan Buletin Majlis Daerah Kanowit edisi 2024.

Hasil penerbitan buletin ini merepresentasikan ketekunan warga Majlis Daerah Kanowit dalam menggembelng usaha untuk menghasilkan sebuah tulisan sebagai saluran untuk mengumpul semua aktiviti dan pencapaian Majlis Daerah Kanowit dan di bukukan. selain itu, hasil penerbitan ini mempromosikan budaya dan amalan kerjasama dalam berpasukan.

Tahun 2024 telah melakarkan pelbagai pencapaian dan aktiviti di dalam banyak perkara. Pembaca boleh meniliti buletin edisi kali ini dimana pelbagai usaha yang telah dilakukan sebagai contoh perlaksanaan projek untuk rakyat, perundangan, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, Pesta Kanowit dan sebagainya. Pencapaian sebegini adalah antara usaha Pihak Berkuasa Tempatan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat selaras dengan misi Majlis Daerah Kanowit "promote sustainable living environment, through innovation and good governance".

Akhir kata dari saya, saya berharap agar warga Majlis akan bergerak sama maju bersama komuniti bagi mencapai kelestarian kelestarian hidup masyarakat kanowit.



Bilong Anak Engkas
SETIAUSAHA MAJIS DAERAH KANOWIT



2023-2025

BARISAN AHLI MAJLIS MAJLIS DAERAH KANOWIT



Front Row (From Left to Right)

Pn. Jackline Bt August@August Jahar (Pengerusi, Majlis Daerah Kanowit), En. Wong Hee Sieng (Residen Bhg. Sibul), YB Tuan Allan Siden Gramong (ADUN N50 Machan), Datuk Dr. Penguang Manggil (Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan Sarawak), Dr. Stephen William (Setiausaha Politik Kepada Menteri Perpaduan Negara), YB Tuan Anyi Anak Jana (ADUN N49 Ngemah), YBhg. Datu Elizabeth Loh (Setiausaha Tetap, MPH LG)

Second Row (From Left To Right)

En. Bilong Anak Engkas (Setiausaha, MDK), Kr. Wong Kheh Fat, Kr. Patrick Anak Anthony Untam, Kr. Leong Yeu Hung, Kr. Manggi Anak Tuah, Kr. Graji Anak Layau, Kr. Eddy Anak Ajut, Kr. Paing Anak Lanyu, Kr. Law Kah Seng, Kr. Juin Anak Adan, Kr. Mike Anak Jamit, Kr. Rebekah Anak Saing, Kr. Mutang Anak Karani, Kr. Boniface Anak James (Timbalan Pengerusi MDK), Kr. Luang Anak Baring, Kr. Ho Sing Hong, Kr. Ling Hou Seng, Kr. Ngieng Hock Hin, Kr. Fung Kok Ling, Kr. Jelesa Anak Meringai, Kr. Ngindang Anak Limbai, Kr. Koh Anak Jelian, Kr. Gaung Anak Babai, Kr. Mang Anak Untam, Kr. Nohayah Binti Woslih, Kr. Yap Siew Hui, Kr. John Anak Agong, En. Konsil Anak Genam (Pegawai Perancang Bandar MPH LG), Kr. Lutau Anak Salang, Kr. Alau Bin Tayan, Kr. Galana Anak Samangang, Kr. Usin Anak Medang

KAKITANGAN *Majlis Daerah Karauit*



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN SEKSYEN SUMBER MANUSIA



SEKSYEN KEWANGAN

KAKITANGAN *Majlis Daerah Karauit*



**BAHAGIAN KESIHATAN
DAN PERKHIDMATAN
BANDAR**



**BAHAGIAN
PEMBANGUNAN
KOMUNITI DAN
PERPUSTAKAAN**



KAKITANGAN *Maylis Daerah Kanowit*

BAHAGIAN KEJURUTERAAN



BAHAGIAN PENGUATKUASA



BAHAGIAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



LAWATAN SAMBIL BELAJAR AHLI MAJLIS KE MAJLIS DAERAH TUARAN, SABAH



LAWATAN SAMBIL BELAJAR AHLI MAJLIS KE MAJLIS DAERAH TUARAN, SABAH

Julai 2024- TUARAN, SABAH

Ahli-ahli Majlis, Majlis Daerah Kanowit telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Majlis Daerah Tuaran, Sabah pada 30 Julai 2024 selama 4 hari. lawatan ini bertujuan untuk mempelajari dan mengkaji proses kerja, pengurusan, pembangunan dan fungsi utama Majlis Daerah Tuaran yang boleh diterapkan ke Majlis Daerah Kanowit. Selain itu, lawatan ini bertujuan untuk memperkasakan tadbir urus organisasi dan pembudayaan nilai-nilai murni ke arah kecemerlangan organisasi.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) MAJLIS DAERAH KANOWIT TAHUN 2023

Majlis Daerah Kanowit dengan sukacitanya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada 5 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2023. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan di RAIA Hotel Kuching pada sebagai tanda penghargaan terhadap komitmen, dedikasi dan kecemerlangan dalam melaksanakan tugas serta menyumbang kepada kecemerlangan perkhidmatan awam.



Senarai Penerima APC Majlis Daerah Kanowit bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

- Puan Martha Anak Linggoh - Penolong Jurutera, JA5
- Encik.Christopher Benet Ait - Pembantu Pustakawan, S3 (TBK)
- En. Fabian Anak Jie - Pembantu Khidmat Am, H1
- En. Justin Alban Anak Barnabas - Pembantu Pustakawan, S2 (KUP)
- Pn. Dayang Siti Nur Bainun - Pembantu Penilaian, W1

LAWATAN

EKSA

KE MAJLIS DAERAH DALAT DAN MUKAH



Julai 2024 - Majlis Daerah Kanowit (MDK) telah mengadakan satu lawatan penanda aras EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) ke Majlis Daerah Dalat dan Mukah pada 24 Julai 2024 sebagai sebahagian daripada usaha memperkasa pelaksanaan EKSA di peringkat Majlis ini.

Rombongan ini diketuai oleh Puan Caroline Anak Dennis , Penolong Pegawai Tadbir terdiri daripada seramai 27 orang kakitangan MD Kanowit. Lawatan ini juga bertujuan untuk menimba pengalaman,meneliti amalan terbaik serta mendapatkan inspirasi dalam melaksanakan EKSA secara lebih sistematik dan berkesan di Majlis Daerah Kanowit.

Semasa lawatan ini diadakan, pihak MDDM telah berkongsi pelbagai inisiatif dan strategik kejayaan yang dilaksanakan, termasuk penekanan kepada elemen 5S, penglibatan menyeluruh warga kerja , serta inovasi dalam penyampaian perkhidmatan. Rombongan juga telah dibawa meninjau kawasan sekitar pejabat yang telah ditransformasikan melalui amalan EKSA yang tersusun dan berimpak tinggi.

BENGKEL ETIKA & INTEGRITI BERSAMA KAKITANGAN BAHARU

November 2024 - Unit Integriti Majlis Daerah Kanowit telah mengadakan bengkel etika integriti bersama kakitangan baharu Majlis Daerah Kanowit pada 14 november 2024. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang unit Integriti Majlis Daerah Kanowit serta memberi pendedahan kepada Undang- undang serta pekeliling berkaitan dengan Kerajaan amnya serta Majlis Daerah Kanowit (Pihak Berkuasa Tempatan) khususnya. Bengkel ini diketuai oleh En. Encik Jeremy Edison George selaku Ketua Unit Integriti Majlis Daerah Kanowit serta Encik Mathew Anak Tayan selaku Pegawai Integriti



KEMPEN PENGUMPULAN BARANG ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK TERPAKAI (E-WASTE)



Ogos 2024 - Majlis Daerah Kanowit telah mengadakan program Pengumpulan Barang Elektrik dan Elektronik Terpakai di dua(2) tempat iaitu Perkarangan Dewan Penghulu Seribu Tada dan Market Kanowit. Program ini bertujuan untuk ·Memberi kesedaran tentang pentingnya mengumpul dan melupuskan barangan elektronik terpakai dalam kalangan masyarakat serta ·Membantu masyarakat melupuskan barangan elektrik dan elektronik terpakai dengan mengikut garis panduan yang betul.



**"Less Waste,
More Future.
Recycle Electronic
Devices."**



Dengan kerjasama Lembaga Sumber Asli & Alam Sekitar Sarawak (NREB). Jabatan Alam Sekitar Malaysia (NRES) serta DNS Waste Management Sdn. Bhd program ini dapat berjalan dengan lancarnya. Dengan adanya program begini, kita dapat memperoleh kembali bahan berfaedah serta sumber bernilai yang mampu menyumbang kepada pembangunan lestari dan kemajuan alam sekitar.





PERTANDINGAN INOVASI REKA CIPTA BAHAN KITAR SEMULA 3R



Turut Hadir, YB Tuan Anyi Jana, ADUN N.49 Ngemah bagi merasmikan pertandingan tersebut serta menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi pertandingan Pertandingan Inovasi Reka Cipta Bahan Kitar Semula 3R, Daerah Kanowit iaitu SK Rantau Kemiding dengan bahan kitar semula yang dicipta daripada kertas-kertas terpakai



November 2024 - Pertandingan Inovasi Reka Cipta Bahan Kitar Semula 3R, Daerah Kanowit telah diadakan di SJKC Yee Ting, Kanowit. Pertandingan ini melibatkan seluruh pelajar sekolah rendah di sekitar daerah Kanowit. pertandingan ini adalah dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Kanowit, Lembaga Sumber Asli & Alam Sekitar Sarawak (NREB), serta Jabatan Alam Sekitar Malaysia (NRES)

Pertandingan ini bertujuan untuk memberi kesedaran tentang pentingnya mengumpul dan mengasingkan barangan bahan kitar semula dalam kalangan masyarakat terutamanya dari bangku sekolah. Diharap dengan pertandingan ini dapat mengurangkan pembuangan bahan kitar semula serta mendidik anak-anak untuk memupuk kesedaran tentang pengasingan bahan kitar semula

Program Kebersihan

DAERAH KANOWIT

November- Majlis Daerah Kanowit telah mengadakan program kebersihan awam bertempat di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Muhibbah, Sg. Bawan Kanowit. Program ini dengan kerjasama Pusat Pemulihan Muhibbah dengan Majlis Daerah Kanowit adalah berujuan untuk membantu masyarakat dalam membersihkan kawasan sekitar.



Melalui program ini, Majlis dapat mengeratkan hubungan dengan komuniti setempat terutamanya masyarakat Orang Kurang Upaya(OKU). Dalam masa yang sama, majlis juga memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan membangunkan dan mengekalkan kesihatan awam serta pembangunan mampan melalui pengurusan yang sistematik. Ceramah berkaitan kesihatan awam juga diadakan semasa program gotong-royong dijalankan



PROGRAM KEBERSIHAN



Program Kebersihan Persekitaran *Market Kanowit*

Market Kanowit Jalan Banglo– 21 Mac 2024, Seramai 30 orang peniaga di Market Kanowit termasuk Ahli Majlis JK Kebersihan dan Kesihatan Awam telah mengikuti Program Kebersihan Persekitaran di Market Kanowit Jalan Banglo. Disamping itu, Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada penaja untuk sentiasa menjaga kebersihan Daerah Kanowit terutamanya Market Kanowit.



Kepentingan menjalankan pembersihan ini adalah supaya tidak menyumbang kepada tempat pembiakan nyamuk dan hurungan makhluk perosak seperti lipas, lalat dan tikus yang boleh menyebabkan berlakunya penyakit berjangkit. Akhir sekali, program ini dapat mengeratkan silaturahim antara peniaga market kanowit dengan Ahli Majlis serta pegawai dari Majlis Daerah Kanowit.

PROGRAM PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI

**SAVE THE EARTH
& Earn Cash**

Kanowit, 24 Ogos 2024 – Seramai 55 orang penduduk dari sekitar Kanowit telah mengikuti Program Pengumpulan Minyak Masak Terpakai yang telah diadakan bersama dengan pihak Fathopes Energy yang telah menawarkan perkhidmatan mengumpul minyak masak terpakai. Hasil pengumpulan minyak masak semasa program ini adalah 560 tan. Disamping itu, program ini dapat membantu penduduk menjana pendapatan dengan menjual minyak masak terpakai.



Program ini bertujuan untuk mengurangkan pembuangan minyak terpakai ke dalam sinki yang boleh menyebabkan berlakunya sistem perparitan tersumbat. Akhir sekali, program ini dapat memupuk kesedaran di kalangan masyarakat untuk cinta akan alam sekitar dan mengurangkan masalah alam sekitar di Kanowit.



Pertandingan Kebersihan & Keceriaan Tandas Awam

Kanowit, 18 Disember 2024 – Seramai 10 peserta di kalangan pemilik premis makanan telah mengikuti program Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Tandas Awam kategori Premis Makanan di sekitar Pekan Kanowit. Program ini telah dianjurkan oleh Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar selama 1 minggu dan hari penutupan adalah pada 18 Disember 2024.

Pemenang bagi pertandingan ini adalah Palan Kitai. Program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap kebersihan tandas awam di Kanowit. Disamping itu, ianya dapat memberi keselesaan kepada pelanggan semasa penggunaan tandas awam. Akhir sekali, program ini dapat membantu menaik taraf tandas premis makanan di Kanowit.



Program Pertandingan Rekacipta 3R

SK NG TADA, KANOWIT



**“RECYCLE IS GOOD,
REUSE IS BETTER”**

SK Ng Tada – 7 Ogos 2024, Seramai 153 peserta telah mengikuti program Pertandingan Rekacipta 3R di SK Ng Tada. Program ini telah dianjurkan oleh Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar dan Pejabat Pendidikan Daerah Kanowit. Program ini diadakan selama dua (2) minggu bermula dari 15 Julai 2024 sehingga 30 Julai 2024 yang melibatkan murid Tahap 2 iaitu Tahun 4 sehingga Tahun 6 sahaja untuk penyediaan projek. Para pelajar telah membentangkan projek mereka pada 7 Ogos 2024 pada Hari Penutupan pertandingan ini.



Program ini telah diadili oleh pegawai dari NREB Bahagian Sibu dan pegawai dari Pejabat Pendidikan Daerah Kanowit. Program ini dilaksanakan untuk mendedahkan kepada semua pelajar sekolah tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan seterusnya meningkatkan tahap kesedaran pelajar sekolah dalam amalan lestari hidup terutamanya mengitar semula dan mereka cipta barangan dari hasil kitar semula yang sedia ada dalam kawasan sekolah SK Ng Tada.



Kempen Perangi Aedes di Rumah Panjang di Rn Engkabang, Sg Maong Besar, Machan Kanowit

Machan – 18 Mei 2024, Seramai 100 orang penduduk rumah Panjang telah mengikuti program gotong-royong di rumah Panjang ini. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang bahaya penyakit demam denggi bawaan nyamuk di kalangan penduduk rumah Panjang. Disamping itu, program ini bertujuan untuk mendidik masyarakat luar bandar tentang pentingnya sentiasa menjaga kebersihan di sekitar kawasan rumah panjang. Akhir sekali program ini juga dapat membantu mewujudkan komuniti yang berpengetahuan tentang penyakit bawaan vektor.



Program Ceramah Kesihatan di SK St Francis Xavier, Kanowit

SK St Francis Xavier Kanowit, – Seramai 350 pelajar dari Tahap 1 sehingga Tahap 2 telah mengikuti program ceramah Kesihatan berkaitan Penyakit Demam Denggi anjuran Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar. Program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran kepada pelajar dan guru agar sentiasa menjaga kebersihan bagi memastikan tiada tempat takungan untuk nyamuk membiak. Disamping itu, program ini juga dapat mendidik pelajar tentang pentingnya sentiasa menjaga kebersihan dan berpengetahuan mengenai penyakit bawaan vektor yang disebabkan oleh kawasan persekitaran yang kurang bersih.



Program Pemvaksinan, Pelesenan dan Mikrochip Anjing

Kanowit, 15 Jun 2024 dan 7 September 2024 – Seramai 40 orang penduduk di sekitar Kanowit dan Machan telah hadir mengikuti Program Pemvaksinan, Pelesenan Anjing dan Mikrochip anjing untuk mendapatkan vaksin dan lesen anjing peliharaan mereka. Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar telah berkolaborasi Bersama Jabatan Veterinar Sibu, Sarawak dalam menjayakan program ini. Program ini bertujuan untuk mengurangkan jangkitan rabies di kalangan anjing jika sudah divaksin dan serta meningkatkan imuniti anjing dan mengurangkan kadar anjing gila di Kanowit.



KEMPEN

NO PLASTIC BAG, NO STYROFOAM @ POLISTERIN AND NO PLASTIC STRAW



Kanowit, 25 September 2024 – Seramai 30 peserta yang terdiri daripada wakil Supermarket, Mini Market, premis makanan, penjaja Kiosk Kanowit dan Market Kanowit telah mengikuti program ini yang telah diadakan di Perpustakaan Awam Majlis Daerah Kanowit.

Program ini telah dirasmikan oleh Setiausaha Majlis iaitu Encik Bilong Anak Engkas dan pengagihan banner, fishtail, flyer, recycle bag dan paper straw kepada pengusaha-pengusaha di Kanowit bagi menyokong usaha Majlis Daerah Kanowit untuk menjayakan program ini.



Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar telah menjemput Puan Timah dari NREB untuk memberi ceramah tentang penggunaan plastik yang boleh menjejaskan ekosistem kepada para peserta. Program ini bertujuan untuk Mengurangkan penggunaan plastik, polisterin dan straw plastik di kalangan pelanggan. Program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran penduduk Pekan Kanowit terhadap impak-impak negatif tentang penggunaan penggunaan plastik, polisterin dan straw plastic. Akhir sekali, program ini dapat menggalakkan budaya kitar semula dikalangan penduduk Pekan Kanowit dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.



OPERASI PENANGKAPAN ANJING LIAR

Operasi ini dijalankan berdasarkan aduan daripada orang awam



- Untuk memberi pengetahuan kesihatan kepada orang awam supaya menjaga anjing mereka dengan sempurna dengan memberi air dan makanan yang mencukupi, menyediakan tempat tinggal yang sesuai dan sempurna serta memberi suntikan vaksin kesihatan terhadap penyakit berjangkit
- Untuk mengurangkan gangguan bunyi bising hasil daripada salakan anjing
- Untuk mengurangkan jumlah anjing liar yang mungkin berpenyakit Zoonosis
- Untuk mengurangkan kejadian anjing menyelongkar tong sampah yang menyebabkan sampah berselerak di tempat awam dan menjadikan persekitaran kotor serta menimbulkan masalah kesihatan
- Untuk mengurangkan kejadian anjing mengejar pejalan kaki atau penunggang motosikal yang boleh menyebabkan kemalangan dan kecederaan kepada orang awam
- Untuk mengurangkan pencemaran persekitaran disebabkan najis anjing di tempat awam





OPERASI

PENGUATKUASA

Pada , Pasukan Penguatkuasa dan Bahagian Kesihatan Awam telah melakukan Operasi bersepadu di sepanjang Jalan Nibong Tada. Tujuan Operasi ini dijalankan untuk mengalakkan pemilik premis perniagaan mematuhi peraturan-peraturan di bawah Local Authority Ordinan(LAO 1996). Hasil operasi bersepadu ini menunjukkan premis-premis di kawasan seliaan Majlis Daerah Kanowitberoperasi dan mempunyai Lesen yang sah daripada kesemua agensi yang berkaitan. Dengan adanya Operasi bersepadu ini, pihak majlis dapat mengekang premis-premis yang menyalahgunakan lesen mereka yang melanggar peraturan yang termaktub di dalam LAO 1996.



12.06.2024 PREMIS YANG BEROPERASI SECARA SAH (MEMPUNYAI LESEN)



Pada 16.4.2024, Melalui Pemantauan Harian Pasukan Penguatkuasa telah mengenal pasti satu (1) Premis telah mengantung "Business Namesignboard" tanpa permit yang sah daripada pihak Majlis. Premis ini telah diberikan Notis Amaran Bertulis di bawah Kesalahan The Local Authority Advertiser (Amendment) by-Laws 2012 dimana pemilik telah diarahkan untuk memohon Business Namesignboard ini selama 14 Hari bekerja. Pemilik premis telah memberikan kerjasama dengan pasukan penguatkuasa dan telah memohon kesemua Business Namesignboard yang telah dipasang di premis. Hasil pemantauan ini, pasukan kami telah menerangkan kepada premis berkaitan dengan Local Authorities Ordinance(LAO 1996) supaya mereka tidak mengulangi kesilapan yang sama serta mematuhi segala peraturan di bawah LAO 1996.


Menaiktaraf Tempatat Letak Kereta Dan Menurap Semula Jalan Di Pekan Kanowit



MENAIKTARAF JALAN DAN PERPARITAN DI PEKAN NGEMAH, KANOWIT



Projek Penutup Parit **PEKAN KANOWIT DAN MACHAN**



MENAIKTARAF

KANOWIT DAN TAMU , MAJLIS DAERAH KANOWIT

SEBELUM



MENAIKTARAF

KANOWIT DAN TAMU, MAJLIS DAERAH KANOWIT

SELEPAS



Baik Pulih

Jalan Josephine Loli, Ranan,
Kanowit



BAIKPULIH

**Rumah Inis
Anak Ugin,
Maong,
Kanowit**



street lighting

**(SOLAR) KAWASAN
ADUN N.50 MACHAN**



**BAIK PULIH DAN
MENAIKTARAF**

**Rumah
Winifred Anak
Paulus, Nanga
Mam 2**





MEMBAIKPULIH

TAMAN
REKREASI



BINA BARU
Rumah JKKK
Di Rumah
Manggah
Chunong,
Nanga Bukong

Pembinaan Jambatan

Rh. Paing (Tr. Chendang, Nanga Dap)



BAIK PULIH DEWAN
RH. ANTHONY IKUS,
NG. PEDAI



NAIKTARAF

RUMAH PANJANG RH.
MEREBAI, NG. BAT



BINA BARU

RUMAH JKKK UNTUK RUMAH
GERUNGIN, NANGA






UKURPERIKSA

Sepanjang Tahun 2024 - Bahagian Penilaian dan Pencukaian merupakan bahagian yang merupakan penyumbang utama dalam hasil Majlis Daerah Kanowit. Dengan ini, Bahagian Penilaian dan Pencukaian telah berjaya melakukan ukurperiksa dan menilai 162 pegangan di kawasan seliaan Majlis Daerah Kanowit.

PELANCARAN BUKU MANUAL PENILAIAN DAN KADARAN

23 Januari 2024 - Pihak Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak telah memperkenalkan buku Manual Penilaian dan Kadaran bertempat di Imperial Hotel Kuching. Buku Manual ini dilancarkan oleh YB Datuk Dr Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tujuan manual ini diperkenalkan adalah untuk menyeragamkan dan menambahbaik prosedur-prosedur kerja Penilaian dan Percukaian bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak.



KURSUS TAKBIR URUS "BEST PRACTICE" PENGURUSAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

28 Februari 2024 - 29 Februari 2024 - Dua Pegawai daripada bahagian Penilaian dan Percukaian telah dihantar untuk mengikuti Kursus Takbir urus "Best Practice" Pengurusan Tunggakan Cukai Taksiran Bertempat di Kuala Lumpur bagi mendapatkan pengetahuan berkenaan Kaedah pengurusan tunggakan cukai taksiran yang dipraktikkan oleh pihak berkuasa tempatan semenanjung Malaysia. Kaedah yang diperoleh ini telah berjaya meningkatkan kutipan tunggakan Majlis daripada 23.85% pada tahun lepas kepada 35.72% pada tahun ini.



LATIHAN VALUATION SYSTEM DAN RATING AND BILLING SYSTEM

Tahun 2024 - Pegawai bahagian penilaian dan Pencukaian telah menjalani latihan Valuation System dan Rating and Billing System secara bergiliran di Sains Training Centre, Petra Jaya, Kuching, bagi meningkatkan pegetahuan di dalam penggunaan sistem ini.



PESTA *Kanowit* 2024



Pesta Kanowit 2024 diadakan pada 13 sehingga 22 september 2024 bertempat di Kanowit Waterfront. Aktiviti utama semasa pesta kanowit adalah perlumbaan Powerboat di sungai Batang Rajang. Aktiviti ini menarik minat peminat sukan air seluruh sarawak serta tahun ini Perlumbaan powerboat disertai oleh perlumba dari seluruh sarawak termasuk negara jiran Thailand dan Brunei Darussalam. terdapat pelbagai lagi aktiviti sampingan semasa Pesta Kanowit 2024 iaitu Kanowit RC Boat Race Challenge, Pertandingan Nyayian Lagu, Pertandingan Ratu Pakaian Tradisional Pesta Kanowit, dan perasmian Kanowit Waterfront.



Pesta Kanowit merupakan acara tahunan Kalender Pelancongan Negeri Sarawak yang memberi impak yang besar dan berkesan melalui pelbagai aktiviti yang akan dilaksanakan bertujuan untuk menarik minat para pengunjung dan pelancong samada dari dalam dan luar kawasan Daerah Kanowit. Di samping itu, ia juga menyediakan lebih banyak peluang perniagaan terutama sekali untuk masyarakat tempatan serta mempromosikan Daerah Kanowit.



Yang Berhormat Datuk Amar Professor Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak, Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, Yang berhormat Tuan Allan Siden Gramong, dan Yang berhormat Tuan Anyi Anak Jana, juga turut hadir untuk merasmikan aktiviti-aktiviti sepanjang Pesta Kanowit tahun 2024.



AKTIVITI PESTA KANOWIT 2024



WHERE
MEMORIES
ARE MADE





AUTOGRAPHS

The background of the page is a complex, abstract geometric composition. It features a variety of overlapping shapes, including triangles, polygons, and lines, in a palette of bright yellow, dark charcoal grey, and light grey. The top left corner is dominated by a large yellow shape and a black shape, with the word 'AUTOGRAPHS' in a white box. The bottom right corner features a large black shape with yellow outlines. The rest of the page is filled with a dense, layered pattern of these geometric elements, creating a sense of depth and movement.

AUTOGRAPHS

The background of the page is a complex, abstract geometric composition. It features a variety of overlapping shapes, including triangles, quadrilaterals, and polygons, in shades of yellow, black, and light grey. The shapes are arranged in a way that creates a sense of depth and movement. In the top left corner, there is a white rectangular box containing the word "AUTOGRAPHS" in a bold, black, sans-serif font. The overall aesthetic is modern and graphic.



EDISI 2024

MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI KEPADA

YANG BERHORMAT DATO SRI AARON AGO DAGANG,

**Menteri Perpaduan Negara,
Ahli Parlimen P210 Kanowit.**

YANG BERHORMAT TUAN ALLAN SIDEN GRAMONG,

ADUN N50 Machan.

YANG BERHORMAT TUAN ANYI ANAK JANA,

ADUN N49 Ngemah.

YANG BERBAHAGIA PUAN ELIZABETH LOH,

**Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Awam,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan,**

Ucapan ribuan terima kasih juga didekasikan kepada Agensi-agensi Kerajaan, Badan-badan MGO, dan serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu dalam menjayakan aktiviti, program dan projek pada tahun 2024. Tambahan lagi, sekalung penghargaan kepada sidang redaksi 2024 dalam menjayakan buletin Majlis Daerah Kanowit edisi 2024 pada kali ini.



CHECK OUT OUR WEBSITE:

www.kanowitdc.sarawak.gov.my